



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN

AKTIVITI PEMBIAKAN HAIWAN KESAYANGAN



DVS/KAKH/04/2019

KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN AKTIVITI PEMBIAKAN HAIWAN KESAYANGAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1,
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62630, Putrajaya, Malaysia

Tel : 603-8870 2000
Fax : 603 888 6472
Email : pro@dvs.gov.my

Cetakan Pertama : 2019

Penerbitan @ JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

No. ISBN :

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulangan mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara lain, samaada cara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62630, Putrajaya, Malaysia.

ISI KANDUNGAN

1.0	PENDAHULUAN	1
2.0	OBJEKTIF	2
3.0	SKOP	2
4.0	DEFINISI	2
5.0	KATA SINGKATAN	3
6.0	TANGGUNGJAWAB PEMUNYA DAN PENGUSAHA PREMIS PEMBIAKBAKAAN HAIWAN KESAYANGAN	3
7.0	DAFTAR MASUK DAN DAFTAR KELUAR HAIWAN	5
	7.1 Tanda Pengenalan	
	7.2 Daftar Keluar Haiwan	
8.0	PERUMAHAN HAIWAN	7
	8.1 Lokasi	
	8.2 Pembinaan	
	8.3 Saiz sangkar	
	8.4 Sistem saliran	
	8.5 Suhu	
	8.6 Bunyi	
	8.7 Pencahayaan	
	8.8 Pengudaraan	
	8.9 Alas Haiwan (<i>Bedding</i>)	
9.0	KESELAMATAN	10
10.0	KEBERSIHAN	10
	10.1 Pembersihan dan Pembasmian Kuman	
	10.2 Kawalan MakhluK Perosak	
	10.3 Pelupusan Sisa	
	10.4 Kotak Najis (<i>Litter Trays</i>)	
11.0	PENGURUSAN	12
	11.1 Penjagaan Haiwan	
	11.2 Penjagaan Anak Haiwan	
	11.3 Dandan (Grooming)	
	11.4 Pekerja	

12.0	KESIHATAN	14
12.1	Pencegahan Penyakit	
12.2	Pemeriksaan Kesihatan	
12.3	Penjagaan Veterinar	
12.4	Ruang Pengasingan	
12.5	Eutanasia	
13.0	PEMAKANAN	16
13.1	Makanan	
13.2	Air Minuman	
14.0	SENAMAN	17
15.0	PENGANGKUTAN	18
16.0	REKOD	18
17.0	PEMBIAKBAKAAN	19
17.1	Am	
17.2	Umur dan Kekerapan Pembiakbakaan	
17.3	Pengurusan Pembiakbakaan	
17.4	Pengurusan Haiwan yang Tidak Digunakan untuk Pembiakbakaan	
18.0	RUJUKAN	21
19.0	LAMPIRAN	22

KATA PENGANTAR

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR

Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) telah diwartakan pada 29 Disember 2015 dan mula dikuatkuasakan pada 1 Julai 2017. Berdasarkan peruntukan Seksyen 15 Akta 772, terdapat tiga belas (13) aktiviti yang melibatkan penggunaan haiwan perlu dilesenkan oleh Lembaga Kebajikan Haiwan.

Sehubungan itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Kod Amalan Kebajikan Haiwan (KAKH) yang mengandungi piawaian serta garis panduan berkaitan kebajikan haiwan. KAKH ini berperanan menjadi rujukan kepada pemilik lesen dan juga mana-mana pihak yang berkenaan dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan haiwan yang terlibat dalam aktiviti di atas sentiasa terpelihara.

Selaras dengan agenda sosial masyarakat pada hari ini yang amat menitikberatkan isu berkaitan kebajikan haiwan, adalah diharapkan Kod Amalan Kebajikan Haiwan ini dapat dilaksanakan semasa mengendalikan haiwan dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan penggunaan haiwan seperti yang tersenarai dalam Jadual Akta 772.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa Kerja, agensi kerajaan, pihak NGO dan semua individu yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan dokumen kod amalan ini.

DATO' DR. QUAZA NIZAMUDDIN BIN HASSAN NIZAM
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Malaysia

KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN AKTIVITI PEMBIAKBAKAAN HAIWAN KESAYANGAN

1.0 PENDAHULUAN

Pengendalian haiwan dalam mana-mana aktiviti yang melibatkan haiwan hendaklah mengambilkira keperluan kebajikan haiwan. Kewajipan ini adalah dibawah tanggungjawab pemunya atau pemegang lesen di bawah Akta Kebajikan haiwan 2015. Sebagai pengusaha premis pembiakbakaan haiwan kesayangan, maka kewajipan ini perlu dipatuhi. Oleh demikian adalah perlu untuk pengusaha mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan keperluan haiwan berikut dipenuhi iaitu:

- i. keperluannya kepada persekitaran yang sesuai;
- ii. keperluannya untuk diet yang sesuai;
- iii. keperluan untuk membolehkannya mempamerkan corak kelakuan yang semulajadi;
- iv. keperluannya untuk ditempatkan bersama dengan atau berasingan daripada haiwan lain; dan
- v. Keperluannya untuk dilindungi daripada kesakitan, penderitaan, kecederaan dan penyakit.

Kod Amalan Kebajikan Haiwan ini menggariskan panduan kepada sesiapa yang menjalankan aktiviti pembiakbakaan haiwan kesayangan. Ia perlu dipatuhi oleh pemunya, pengusaha dan pekerja di premis pembiakbakaan haiwan kesayangan. Pengusaha aktiviti pembiakbakaan haiwan kesayangan perlu mendapatkan lesen serta mematuhi undang-undang dan peraturan yang dikeluarkan oleh Lembaga Kebajikan Haiwan, pihak berkuasa veterinar atau pihak berkuasa tempatan untuk beroperasi sebagai premis pembiakbakaan haiwan kesayangan. Ia bertujuan untuk memastikan aktiviti pembiakbakaan dilakukan secara beretika bagi mencegah peningkatan populasi haiwan terbiar atau terabai pada masa depan dan mengelakkan pembiakan *inbreeding*.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Memastikan haiwan dilayan dengan beretika dan kebajikannya terpelihara di premis pembiakbakaan.
- 2.2 Memastikan premis pembiakbakaan mempunyai kemudahan asas dan tenaga kerja yang mencukupi.
- 2.3 Memastikan premis pembiakbakaan haiwan kesayangan mengamalkan sistem pengurusan yang sistematik.
- 2.4 Mengelakkan pembiakan *inbreeding*

3.0 SKOP

KAKH ini menjelaskan amalan baik serta keperluan piawai minimum yang perlu dipatuhi dari aspek perumahan, sumber haiwan, kebersihan, pengurusan pembiakbakaan, penyimpanan rekod, penjagaan kesihatan, pemakanan, senaman, pelupusan haiwan, penerimaan dan daftar keluar haiwan untuk haiwan yang berada di premis pembiakbakaan haiwan kesayangan.

4.0 DEFINISI

- 4.1 Aktiviti pembiakbakaan
Sebarang aktiviti pembiakbakaan sepasang atau lebih haiwan jantan dan betina yang boleh menghasilkan anak
- 4.2 Bilik pengasingan
Bilik khas yang terasing daripada tempat umum yang digunakan untuk menempatkan ternakan yang sakit, mempunyai pengudaraan sendiri dan berpintu
- 4.3 Daftar masuk haiwan
Haiwan yang masuk ke premis pembiakbakaan bagi tujuan aktiviti pembiakbakaan di premis berkenaan
- 4.4 Daftar keluar haiwan
Haiwan yang keluar daripada premis pembiakbakaan untuk tujuan jualan, pemberian percuma atau pindahan stok
- 4.5 Doktor veterinar berdaftar
Seseorang yang berdaftar dengan Majlis Veterinar Malaysia seperti mana Seksyen 12 dalam Akta 147 – Akta Doktor Veterinar 1974.

- 4.6 Haiwan kesayangan
Haiwan yang dipelihara oleh individu sama ada ternakan, haiwan makmal, haiwan bekerja atau haiwan untuk sukan
- 4.7 Pengusaha
Pemunya atau pengusaha
- 4.8 Premis pembiakbakaan
Mana-mana tempat yang digunakan untuk aktiviti pembiakbakaan haiwan kesayangan yang dimiliki oleh individu yang mempunyai sepasang haiwan jantan dan betina
- 4.9 Pemunya
Individu yang memiliki haiwan kesayangan yang berpotensi untuk dibiakkan

5.0 KATA SINGKATAN

- 5.1 DVS - Department of Veterinary Services
- 5.2 JKT - Jabatan Kerajaan Tempatan
- 5.2 KAKH - Kod Amalan Kebajikan Haiwan

6.0 TANGGUNGJAWAB PEMUNYA DAN PENGUSAHA PREMIS PEMBIAKBAKAI HAIWAN KESAYANGAN

Pemunya dan pengusaha premis pembiakbakaan haiwan kesayangan bertanggungjawab untuk memastikan perkara yang berikut:

- 6.1 Menyediakan tempat tinggal dan kemudahan asas yang sesuai dengan keperluan fizikal dan tingkah laku haiwan kesayangan yang dipelihara di premis pembiakbakaan.
- 6.2 Melindungi haiwan kesayangan daripada sebarang keadaan persekitaran yang berbahaya.

- 6.3 Menyediakan ruang yang mencukupi untuk haiwan berdiri, bergerak dengan bebas, meregang dengan sepenuhnya, berehat, menjalankan aktiviti pembiakbakaan dan penjagaan anak (nursing care), menyediakan dan menyelia pemberian makanan yang bersesuaian dan air dalam kuantiti yang mencukupi dan bersih bagi mengekalkan kesihatan dan kesejahteraan haiwan.;
- 6.4 Melindungi haiwan daripada penyakit, ketidakselesaan dan kecederaan.
- 6.5 Mendapatkan perkhidmatan veterinar atau rawatan yang bersesuaian dengan segera sekiranya terdapat kes kecederaan atau menunjukkan tanda-tanda penyakit.
- 6.6 Memastikan kebersihan premis dan haiwan sentiasa terpelihara.
- 6.7 Menyelia pemeriksaan harian untuk memastikan kesejahteraan haiwan kesayangan.
- 6.8 Menyelia pekerja sama ada yang bekerja sepenuh masa atau separuh masa.
- 6.9 Menyediakan, mengemas kini dan menyimpan rekod berkaitan pengurusan premis pembiakbakaan haiwan kesayangan.
- 6.10 Perlu mendapat khidmat nasihat doktor veterinar berdaftar bagi memantau status kesihatan haiwan di premis pembiakbakaan sekiranya perlu.
- 6.11 Memastikan pekerja yang terlibat dalam aktiviti pembiakbakaan perlu mempunyai pengetahuan asas dalam aspek yang berikut:
 - a. kebajikan haiwan;
 - b. pemakanan haiwan;
 - c. berupaya memastikan haiwan bebas daripada sebarang kecederaan yang disebabkan oleh haiwan lain atau manusia;
 - d. kebersihan di premis pembiakbakaan serta sangkar;

- e. berupaya mengenal pasti tanda-tanda klinikal penyakit umum haiwan; dan
 - f. pembiakkakaan haiwan.
- 6.12 Mematuhi mana-mana perundangan berkaitan dengan kebajikan dan kesejahteraan haiwan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

7.0 DAFTAR MASUK DAN DAFTAR KELUAR HAIWAN

7.1 Tanda Pengenalan

7.1.1 Semua induk dan pejantan anjing, kucing dan arnab yang ingin dibawa masuk dan yang berada di premis pembiakkakaan hendaklah mempunyai tanda pengenalan. Satu daftar rekod yang mengandungi butiran seperti yang berikut perlu disediakan.:

- a. nama haiwan (jika ada)
- b. nombor mikrochip/ tanda pengenalan
- c. nombor pet passport (jika ada)
- d. sijil kelahiran (contoh seperti lampiran)/pedigri (jika ada)
- e. deskripsi haiwan tersebut termasuk:
 - jantina
 - baka atau jenis
 - tarikh lahir dan berat badan
 - warna-ciri khas (jika berkaitan)
- f. status imunisasi, nyahcacing dan status pencegahan cacing jantung (anjing)

7.1.2 Perakuan bertulis mengenai tahap kesihatan haiwan kesayangan yang didaftar masuk hendaklah dibuat serta disahkan oleh pengusaha premis/pekerja.

7.2 Daftar Keluar Haiwan

7.2.1 Satu daftar keluar yang mengandungi butiran seperti di bawah hendaklah disediakan bagi merekodkan semua haiwan daftar keluar daripada premis pembiakkakaan.

- a. tanda pengenalan haiwan/nombor mikrochip
- b. nombor pet passport (jika ada)
- c. sijil kelahiran/pedigri dengan maklumat induk dan pejantan
- d. nama, alamat, nombor telefon dan maklumat untuk menghubungi pemunya
- e. nombor kad pengenalan pengusaha premis pembiakbakaan haiwan kesayangan
- f. deskripsi haiwan tersebut termasuk seperti di bawah:
 - jantina
 - baka atau jenis
 - warna
 - ciri-ciri khas
 - status fisiologi
 - umur dan berat badan
 - status vaksinasi dan nyahcacing
- g. status pencegahan cacing jantung (anjing)
- h. nama dan nombor telefon doktor veterinar berdaftar yang biasa merawat haiwan tersebut
- i. butiran kesihatan, diet, *grooming*

7.2.2 Setiap haiwan yang didaftar keluar bagi tujuan penjualan, pemberian dan perpindahan mesti disertakan dengan:

- a. satu salinan rekod seperti di para 7.2.1.
- b. sijil imunisasi vaksinasi terkini yang disahkan oleh doktor veterinar berdaftar
- c. sijil kelahiran / pedigri
- d. maklumat kesihatan terutamanya bagi penyakit yang boleh diwarisi (breed predisposition)
- e. nama, alamat, nombor telefon dan maklumat untuk menghubungi pemunya atau pengusaha premis pembiakbakaan

7.2.3 Umur minimum untuk haiwan daftar keluar hendaklah sekurang-kurangnya 12 minggu.

- 7.2.4 Haiwan yang menunjukkan tanda-tanda penyakit atau cedera tidak boleh didaftar keluar.
- 7.2.5 Pengusaha premis hendaklah memberi tempoh jaminan sekurang-kurangnya 7 hari selepas pembelian kepada pembeli.

8.0 PERUMAHAN HAIWAN

8.1 Lokasi

- 8.1.1 Premis pembiakbakaan perlu berada di kawasan yang sesuai dan tidak menyebabkan ketidakselesaan atau kesengsaraan kepada haiwan kesayangan.
- 8.1.2 Kawasan premis pembiakbakaan haiwan haruslah mempunyai bekalan infrastruktur asas seperti bekalan air bersih dan elektrik yang mencukupi, mempunyai sistem pembetungan atau tangki septik

8.2 Pembinaan

- 8.2.1 Jika sangkar dibina di luar (outdoor), ia haruslah:
 - a. terlindung daripada hujan dan angin kencang.
 - b. mempunyai tempat teduh yang mencukupi.
 - c. separa tertutup supaya mempunyai kawasan tidur yang terlindung.
- 8.2.2 Jika sangkar haiwan dibina atau diletakkan di dalam bangunan (indoor), suhu, kelembapan dan pengudaraan haruslah diambil kira.
- 8.2.3 Sangkar haruslah dipisahkan antara satu sama lain.
- 8.2.4 Permukaan dalam sangkar hendaklah dibina daripada bahan yang kalis air, mudah dicuci dan tidak menyebabkan kecederaan kepada haiwan.
- 8.2.5 Lantai premis hendaklah daripada bahan yang kalis air untuk memudahkan pembersihan dan melancarkan aliran air.
- 8.2.6 Lantai sangkar tidak boleh menggunakan lantai dawai (wire flooring) dan tidak licin.

- 8.2.7 Landskap atau padang berumput yang menjadi sebahagian daripada 'outdoor runs' haruslah diselenggarakan dari semasa ke semasa.
- 8.2.8 Setiap premis pembiakbakaan hendaklah menyediakan bilik pengasingan.
- 8.3 Saiz
 - 8.3.1 Saiz perumahan sangkar sama ada secara tunggal atau berkumpulan haruslah mencukupi untuk haiwan makan, tidur, berdiri, duduk, baring dengan selesa, meregang dan bergerak dengan bebas seperti dalam **Lampiran 1**.
 - 8.3.2 Sangkar haruslah berada pada ketinggian yang sesuai untuk memudahkan pembersihan.
 - 8.3.3 Sangkar atau tempat kepungan yang digunakan untuk aktiviti pembiakbakaan mesti mempunyai saiz yang sesuai untuk membenarkan haiwan mempamerkan perlakuan mengawan semula jadi.
 - 8.3.4 Sangkar yang digunakan untuk melahirkan dan menyusu anak mesti mempunyai saiz yang sesuai seperti di **Lampiran 2**.
- 8.4 Sistem saliran
 - 8.4.1 Lantai hendaklah mempunyai kecerunan sekitar dua (2) darjah untuk memudahkan air dan najis mengalir keluar.
 - 8.4.2 Sisa pepejal dan cecair perlu diasingkan.
 - 8.4.3 Perangkap sisa pepejal mestilah dicuci setiap hari.
 - 8.4.4 Air basuhan dan sisa buangan cecair hendaklah disalurkan ke tangki septik.
- 8.5 Suhu
 - 8.5.1 Haiwan haruslah dilindungi daripada perubahan suhu yang ekstrem untuk meminimumkan ketidakselesaan kepada haiwan.

- 8.5.2 Haiwan (terutama anak), yang lebih sensitif kepada perubahan cuaca memerlukan penyediaan alat pemanasan atau penyejukan.

8.6. Bunyi

- 8.6.1 Bunyi daripada anjing yang menyalak mesti diuruskan supaya tidak menyebabkan kacau ganggu dan boleh dikurangkan dengan menggunakan cara yang berikut:
- a. Sangkar disusun supaya tidak menghadap sesama sendiri.
 - b. Mengehadikan rangsangan luaran dengan meletakkan pemisah di antara sangkar.
 - c. Meletakkan seekor anjing sahaja dalam sangkar atau dengan pasangan yang serasi.
 - d. Mengasingkan penempatan haiwan jantan dengan betina kecuali semasa aktiviti pembiakbakaan.
 - e. Sangkar kucing hendaklah diletakkan berjauhan daripada sangkar anjing.

8.7. Pencahayaannya

- 8.7.1 Pencahayaannya haruslah mengikuti tempoh dan kadar pencahayaannya sebagaimana dalam keadaan semula jadi.
- 8.7.2 Pencahayaannya mencukupi perlu disediakan bagi memudahkan pemeriksaan harian dan pembersihan sangkar.
- 8.7.3 Sangkar untuk melahirkan anak boleh digelapkan semasa kelahiran supaya tidak mengganggu haiwan yang beranak.

8.8. Pengudaraan

Pengudaraan haruslah memadai untuk memastikan kawasan perumahan haiwan bebas daripada kelembapan atau bau busuk.

8.9 Alas Haiwan (*bedding*)

- 8.9.1 Semua sangkar perlu ada tempat tidur dan alas (*bedding*) yang sesuai.
- 8.9.2 Alas (*bedding*) untuk haiwan haruslah ditukar sekerap yang mungkin supaya kekal bersih dan kering.
- 8.9.3 Alas (*bedding*) tambahan perlu disediakan semasa kelahiran dan menyusukan anak.

9.0 KESELAMATAN

- 9.1 Pintu premis kedai haiwan kesayangan mestilah sentiasa tertutup bagi mengelakkan haiwan kesayangan terlepas keluar.
- 9.2 Setiap sangkar haruslah dilengkapi dengan sistem kunci yang tidak dapat dibuka oleh haiwan yang dikurung.
- 9.3 Pemadam api haruslah sentiasa ada dan berfungsi serta ditempatkan di kawasan yang strategik.
- 9.4 Premis hendaklah mempunyai penghadang keselamatan kedua selain pintu sangkar untuk mengelakkan haiwan kesayangan daripada terlepas.
- 9.5 Haiwan tidak boleh dibiarkan di dalam premis tanpa pengawasan sepanjang masa.
- 9.6 Setiap kedai haiwan kesayangan mestilah mempunyai persiapan minima yang mencukupi bagi menghadapi sebarang insiden kebakaran seperti di Lampiran 3.

10.0 KEBERSIHAN

- 10.1 Pembersihan dan pembasmian kuman
 - 10.1.1 Kawasan premis pembiakbakaan dan tempat senaman haruslah dikekalkan bersih supaya kesihatan haiwan kesayangan terpelihara dan penyakit dapat dibendung.

- 10.1.2 Najis haruslah dibersihkan sekurang-kurangnya sekali sehari.
- 10.1.3 Kawasan premis pembiakbakaan, haruslah dibersihkan setiap hari dan dinyahkumankan sekali seminggu atau selepas wabak penyakit berjangkit.
- 10.1.4 Sangkar dan tempat senaman haruslah dibersihkan setiap hari dan dinyahkumankan sekali seminggu atau sebelum haiwan baharu dimasukkan atau selepas wabak penyakit berjangkit.
- 10.1.5 Agen pembersihan dan pembasmian kuman yang digunakan hendaklah sesuai, selamat dan berkesan.
- 10.2 Kawalan makhluk perosak
 - 10.2.1 Makhluk perosak haruslah dikawal.
 - 10.2.2 Bahan kimia yang digunakan untuk kawalan makhluk perosak haruslah diperakui oleh pihak berkuasa yang berkaitan dan digunakan menurut spesifikasi produk.
- 10.3 Pelupusan sisa
 - 10.3.1 Sisa pepejal dan karkas haiwan hendaklah dilupuskan dengan cara yang bersesuaian dengan keperluan pihak berkuasa tempatan.
 - 10.3.2 Sisa klinikal hendaklah dikendalikan oleh pengendali sisa klinikal yang berlesen.
- 10.4 Kotak Najis (Litter Trays)
 - 10.4.1 Kotak najis hendaklah disediakan untuk kucing.
 - 10.4.2 Bahan sarap (litter material) yang sesuai dengan kedalaman yang mencukupi hendaklah disediakan.
 - 10.4.3 Sarap (litter) hendaklah diperiksa, divedok atau ditambah apabila perlu.

- 10.4.4 Semua sarap (litter) hendaklah ditukar sekurang-kurangnya seminggu sekali dan kotak najis haruslah dicuci dan dinyahkuman.
- 10.4.5 Kotak najis yang baharu hendaklah disediakan untuk kucing yang baru masuk.

11.0 PENGURUSAN

11.1 Penjagaan haiwan

- 11.1.1 Haiwan haruslah dilindungi daripada ketidakselesaan, distres atau kecederaan yang disebabkan oleh haiwan lain.
- 11.1.2 Spesies yang berlainan tidak harus diletakkan berdekatan.
- 11.1.3 Haiwan harus diasingkan sekiranya:
 - a. menyusukan anak
 - b. melahirkan anak (1 minggu sebelum tarikh jangka kelahiran)
 - c. bersifat garang
 - d. tua atau lemah
 - e. tidak divaksinasi atau status vaksinasi tidak diketahui
 - f. terlalu muda (anjing kurang daripada empat bulan dan kucing kurang daripada tiga bulan)
 - g. biang

11.2 Penjagaan Anak Haiwan

- 11.2.1 Anak yang baru dilahirkan perlu ditempatkan bersama-sama ibu dalam keadaan yang sesuai untuk tujuan penyusuan.
- 11.2.2 Anak-anak yang baru dilahirkan dalam tempoh dua jam pertama mesti dibersihkan dan dipastikan mendapat susu awal (Colostrum).
- 11.2.3 Jika didapati ibu tidak boleh menjaga atau membahayakan anak, maka anak-anak perlu diasingkan dan diberi penjagaan sewajarnya.

- 11.2.4 Ibu dan anak hendaklah diawasi bagi mengenal pasti sebarang penyakit yang memerlukan rawatan.
 - 11.2.5 Anak haiwan (anjing dan kucing) boleh mula diceraikan susu mulai umur lapan minggu dengan memberi makanan pepejal yang sesuai.
 - 11.2.6 Selepas diceraikan susu, anak haiwan perlu dibekalkan dengan makanan yang sesuai mengikut keperluan status fisiologi anak haiwan, umur, spesies serta keperluan khas.
 - 11.2.7 Anak haiwan perlu divaksinasi dan dinyahcacing seawal umur enam hingga lapan minggu.
- 11.3 Dandanan (Grooming)
- 11.3.1 Haiwan perlu didandan (menyisir atau memangkas bulu, memotong kuku dan mandi) mengikut keperluan baka.
 - 11.3.2 Prosedur yang bersesuaian perlu dilakukan untuk haiwan bagi memastikan bulu haiwan tersebut bersih dan tidak kusut.
- 11.4 Pekerja
- 11.4.1 Pekerja hendaklah tidak mengasari haiwan dan mempunyai pengalaman mengendalikan haiwan.
 - 11.4.2 Pekerja hendaklah mengetahui tanggungjawab sendiri dan kompeten untuk menjalankannya.
 - 11.4.3 Bilangan pekerja perlu mencukupi untuk menjalankan semua aktiviti dengan baik dalam premis pembiakbakaan.

12.0 KESIHATAN

12.1 Pencegahan penyakit

12.1.1 Haiwan perlu divaksinasi dengan vaksin asas mengikut jadual seperti di Lampiran 4.

12.1.2 Haiwan yang mempunyai penyakit berjangkit tidak boleh dibiakkan.

12.1.3 Haiwan perlu dinyahcacing mengikut jadual.

12.1.4 Kawalan ektoparasit perlu dilakukan mengikut jadual.

12.2.1 Haiwan haruslah diperiksa sekurang-kurangnya dua kali sehari (pagi dan petang) untuk memantau keselesaan dan kesihatan haiwan.

12.2.2 Semasa kelahiran, pemantauan perlu dibuat dengan lebih kerap.

12.2.3 Pekerja yang menjalankan pemeriksaan hendaklah memastikan setiap haiwan melakukan perkara-perkara berikut:

- a. Makan
- b. Minum
- c. Membuang air besar (defecation)
- d. Membuang air kecil (urination)
- e. Mempunyai perlakuan normal
- f. Dapat bergerak dengan bebas dan selesa
- g. Tidak menunjukkan sebarang tanda penyakit

12.2.4 Pekerja yang menjalankan pemantauan semasa dan selepas kelahiran (anjing dan kucing) hendaklah memastikan perkara yang berikut:

- a. Tempat dan keperluan kelahiran disediakan.
- b. Tempoh melahirkan anak dalam jangka masa yang normal. (kesemua anak keluar dalam tempoh 30 minit selepas kelahiran anak pertama).
- c. Anak-anak yang baru dilahirkan dalam tempoh dua jam pertama mesti dibersihkan dan mendapat susu awal (Colostrum).

- d. Jika didapati ibu tidak boleh menjaga atau membahayakan anak, maka anak-anak perlu diasingkan dan diberi penjagaan sewajarnya.
- e. Induk perlu dipantau setiap hari selepas kelahiran untuk mengesan tanda-tanda penyakit seperti pendarahan atau mastitis.

12.2.5 Sebarang ketidaknormalan hendaklah mendapat pandangan atau rawatan daripada doktor veterinar berdaftar.

12.3. Penjagaan Veterinar

12.3.1 Haiwan hendaklah mendapatkan khidmat veterinar daripada doktor veterinar berdaftar jika menunjukkan tanda-tanda seperti yang berikut:

- a. Hidung berhingus
- b. Mata berair, merah atau bengkak
- c. Bersin berulang kali
- d. Batuk
- e. Muntah
- f. Cirit-birit berlarutan melebihi 3 hari atau sekiranya berdarah
- g. Ketempangan
- h. Tidak boleh berdiri atau berjalan
- i. Pendarahan atau pembengkakan bahagian badan
- j. Kesusutan berat > 10% dalam seminggu
- k. Perubahan dalam perwatakan mendadak semasa dalam penginapan
- l. Kelesuan ekstrem
- m. Tiada selera makan melebihi 3 hari
- n. Kesakitan ketara
- o. Sawan atau terhuyung-hayang (fits or staggering)
- p. Pengembungan abdomen (bloating)
- q. Tidak boleh kencing atau berak
- r. Luka terbuka (open wounds)

12.3.2 Setiap premis pembiakbakaan hendaklah mempunyai peti kecemasan untuk haiwan seperti dalam Lampiran 5.

12.4 Ruang Pengasingan

- 12.4.1 Haiwan yang disyaki atau mempunyai penyakit berjangkit hendaklah diletakkan di dalam ruang pengasingan.
- 12.4.2 Semua peralatan yang digunakan dalam ruang pengasingan hendaklah dikhususkan untuk penggunaan dalam ruang pengasingan sahaja.
- 12.4.3 Pekerja hendaklah mencuci dan menyahkuman tangan sebelum dan selepas masuk ke dalam ruang pengasingan.
- 12.4.4 Pekerja hendaklah menguruskan haiwan yang sihat dahulu sebelum memasuki ruang pengasingan.

12.5 Eutanasia

- 12.5.1 Eutanasia perlu dipertimbangkan apabila haiwan didapati tenat atau cedera parah dan selepas disarankan oleh doktor veterinar berdaftar.
- 12.5.2 Kebenaran bertulis daripada pemunya haiwan atau wakilnya perlu diperoleh sebelum eutanasia.
- 12.5.3 Eutanasia hanya boleh dijalankan oleh doktor veterinar berdaftar.

13.0 PEMAKANAN

13.1 Makanan

- 13.1.1 Haiwan hendaklah diberi makanan yang sesuai, tidak tercemar dan bernutrisi mengikut keperluan spesies, baka, keadaan fisiologi dan umur. Makanan hendaklah dalam kuantiti yang mencukupi dan komposisi yang sesuai.
- 13.1.2 Semua haiwan hendaklah diberi makan sekurang-kurangnya dua kali sekali.

- 13.1.3 Makanan hendaklah disediakan dengan cara yang bersih dalam bekas yang bersih dan tidak mudah tumpah.
 - 13.1.4 Bekas makanan hendaklah senang untuk diakses dan dibersihkan sekurang-kurangnya sekali sehari.
 - 13.1.5 Makanan yang tidak dimakan haruslah dibuang secepat mungkin supaya tidak basi dan menarik lalat.
 - 13.1.6 Anak haiwan yang berumur lapan minggu boleh mula dicerai susu dan dimulakan dengan makanan pepejal.
- 13.2 Air Minuman
- 13.2.1 Air bersih hendaklah disediakan sepanjang masa secara *ad libitum*.
 - 13.2.2 Bekas minuman harus senang untuk diakses dan dibersihkan sekurang-kurangnya sekali sehari.

14.0 SENAMAN

- 14.1 Anjing mesti diberi peluang untuk bersenam sekurang-kurangnya 20 minit sekali sehari supaya dapat:
 - a. memenuhi keperluan fisiologi anjing
 - b. memantau status kesihatan anjing
- 14.2 Sekiranya kucing berada di dalam sangkar, ia perlu diberi peluang untuk bersenam dengan menyediakan kelengkapan yang sesuai untuk tujuan *enrichment*.
- 14.3 Kelengkapan senaman yang bersesuaian perlu disediakan mengikut keperluan baka-baka tertentu.
- 14.4 Haiwan terutamanya anak haiwan perlu diberi peluang untuk bersosial dan berinteraksi dengan haiwan lain daripada spesies yang sama dan manusia supaya membina temperamen yang baik.

15.0 PENGANGKUTAN

- 15.1 Haiwan hendaklah dipindahkan dalam masa yang paling singkat. Haiwan tidak sepatutnya ditinggalkan dalam kenderaan yang diletakkan di bawah terik matahari atau cuaca panas.
- 15.2 Reka bentuk kenderaan yang digunakan untuk pengangkutan haiwan kesayangan perlu mempunyai ciri yang berikut:
- a. Melindungi haiwan daripada kecederaan.
 - b. Lantai tidak licin.
 - c. Menjamin keselamatan pekerja.
 - d. Melindungi haiwan daripada perubahan suhu yang terlampau.
 - e. Mengelakkan haiwan daripada terlepas.
 - f. Mudah dicuci dan dinyahkuman.
 - g. Sangkar yang bersih, selamat, kukuh dan mempunyai kompartmen yang berasingan mengikut kesesuaian saiz haiwan bagi mengelakkan kecederaan.

16.0 REKOD

- 16.1 Maklumat-maklumat yang berikut bagi setiap haiwan di premis perlu direkodkan.

16.1.1 Maklumat asas haiwan

- a. nama
- b. umur/tarikh lahir
- c. nombor mikrochip
- d. jantina
- e. jenis atau baka
- f. warna
- g. ciri-ciri khas (distinguishing features)
- h. pedigree (maklumat induk dan pejantan)/kelahiran
- i. berat lahir dan berat dewasa
- j. lain-lain (contoh nombor lesen anjing, nombor sijil pedigree/kelahiran)

16.1.2 Rekod kesihatan

- a. status vaksinasi dan rawatan cacing
- b. rekod rawatan kesihatan yang lepas
- c. rekod keperluan diet khas sekiranya ada
- d. maklumat status penyakit genetik/diwarisi

16.1.3 Rekod pembiakbakaan

- a. nama haiwan serta nombor mikrochip jantan dan betina yang dibiakkan
- b. jenis baka
- c. tarikh pembiakbakaan(mating date)
- d. tarikh kelahiran dan bilangan kelahiran(bilangan anak)
- e. bilangan kematian semasa kelahiran
- f. bilangan anak yang abnormal dan jenis keabnormalan semasa kelahiran
- g. tarikh cerai susu

16.2 Setiap haiwan mesti mempunyai rekod tersendiri.

16.3 Rekod pembersihan dan nyahkuman premis dan sangkar perlu disimpan.

17.0 PEMBIAKBAKAAN

17.1 Am

- 17.1.1 Haiwan yang dibiakkan perlu berada dalam keadaan yang sihat atau normal dan telah mencapai tempoh matang serta bebas daripada sebarang penyakit semasa dibiakkan.
- 17.1.2 Setiap aktiviti mengawan perlu dipantau untuk memastikan keselamatan haiwan.
- 17.1.3 Haiwan yang bunting serta menyusu perlu diberi makanan tambahan dan disediakan air yang mencukupi.

- 17.1.4 Semasa proses kelahiran, haiwan betina perlu dipisahkan daripada haiwan lain.
- 17.1.5 'Whelping box' (untuk anjing) atau 'queening box' (untuk kucing) yang bersesuaian hendaklah disediakan.
- 17.2 Umur dan kekerapan pembiakbakaan
 - 17.2.1 Induk hanya boleh dibiakkan pada atau selepas estrus kedua.
 - 17.2.2 Pejantan tidak boleh digunakan untuk pembiakbakaan sebelum umur 12 bulan.
 - 17.2.3 Induk anjing tidak boleh dibiakkan melebihi dua kali dalam tempoh 18 bulan.
 - 17.2.4 Induk kucing tidak boleh dibiakkan melebihi dua kali dalam tempoh 12 bulan.
 - 17.2.5 Umur maksimum yang dibenarkan untuk induk dibiakkan ialah enam tahun.
- 17.3 Pengurusan pembiakbakaan
 - 17.3.1 Haiwan yang tidak menepati ciri-ciri baka tidak digalakkan untuk dibiakkan.
 - 17.3.2 Haiwan yang mempunyai penyakit diwarisi dan temperamen yang tidak baik tidak dibenarkan untuk dibiakkan.
 - 17.3.3 Anjing daripada baka-baka terlarang yang tersenarai dalam Lampiran 6 tidak boleh dibiakkan.
 - 17.3.4 Anjing daripada baka-baka terhad yang tersenarai hanya boleh dibiakkan dengan kebenaran daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar.

17.4 Pengurusan haiwan yang tidak digunakan untuk pembiakbakaan

17.4.1 Haiwan yang tidak digunakan untuk pembiakbakaan disebabkan tidak produktif atau didapati tidak sesuai untuk pembiakbakaan adalah menjadi tanggungjawab pengusaha untuk:

- a. memastikan haiwan tersebut dikembirikan
- b. menempatkan semula haiwan (re-home)
- c. menjaga kebajikan haiwan tersebut sehingga penempatan baharu dapat diperolehi
- d. eutanasia (selepas pemeriksaan dan nasihat oleh doktor veterinar berdaftar)

18.0 RUJUKAN

- 18.1 Agriculture.ny.gov - Small animals minimum space require for dogs
- 18.2 Buku Panduan Baka-Baka Anjing Terhad dan Terlarang di Malaysia (DVS Malaysia)
- 18.3 Gold Coast City Council - minimum dimension for an enclosure for the keeping of dogs and cats
- 18.4 Good Animal Husbandry Practice For Pets and Exotic Animal (DVS Malaysia)
- 18.5 New South Wales Animal Welfare Code of Practice No 5 - Dogs and Cats in Animal Establishment (1996)
- 18.6 New Territory Government Animal Welfare
- 18.7 Pet Boarding Establishments - Code of Practice for Boarding Catteries (New Zealand)
- 18.8 WSAVA Vaccination-Guidelines

Lampiran 1**SAIZ SANGKAR DAN PEN YANG DISYORKAN**

(Haiwan hanya boleh disimpan dalam sangkar/
pen ini untuk maksimum 4 minggu)

Jenis Haiwan	Keluasan lantai minima (cm ²)	Lebar minima (cm)	Ketinggian minima (cm)	Bilangan maksima haiwan	Penambahan keluasan lantai untuk setiap penambahan haiwan (cm ²)
ANJING					
anak anjing (8-16 minggu)					
kurang dari 3 kg	6,000	60	50	4	1,500
lebih 3 kg	6,000	60	50	2	3,000
dewasa (ketinggian)					
kurang dari 40 cm	15,000	90	Tinggi	1	10,000
40 - 70 cm	24,000	100	15cm dari	1	12,000
lebih 70 cm	35,000	120	hujung	1	17,000
dewasa (ketinggian)					
ibu menyusu	35,000	120	kepala ke	1	17,000
anak menyusu			hujung		4,000
atas			sangkar		
KUCING					
anak kucing (8 - 12 minggu)	6,000	60	50	4	1,500
dewasa	6,000	60	50	1	
ARNAB					
anak (6 - 12 minggu)	6,000	60	50	6	300
dewasa	6,000	60	50	2	600
GUINEA PIGS	2,500	50	40	4	600
TIKUS	600	20	20	2	300
ULAR					
sehingga 100 cm	2,000	45	35	2	1,000
100 - 250 cm	4,500	50	50	2	2,250
250 - 400 cm	6,000	50	50	2	3,000
lebih 400 cm	10,000	90	75	1	5,000

Jenis Haiwan	Keluasan lantai minima (cm ²)	Lebar minima (cm)	Ketinggian minima (cm)	Bilangan maksima haiwan	Penambahan keluasan lantai untuk setiap penambahan haiwan (cm ²)
CICAK					
Tokek, Mengkarung, Cicak tanpa kaki untuk 25 cm dari muncung hingga dubur	1,800	30	20	3 dewasa atau 10 juvana	300
Biawak, Mengkarung untuk 30 cm panjang *	2,100	40	40	3 dewasa atau 10 juvana	350
untuk 50 cm panjang **	2,500	40	40	2 dewasa or 5 juvana	600
untuk 90 cm panjang ***	7,000	90	60	1	3,500
Biawak untuk 120 cm panjang	10,000	90	90	1	5,000
untuk 200 cm panjang	30,000	150	120	1	15,000
KATAK POKOK & TANAH					
kecil	1,800	30	40	3	400
besar	2,500	50	30	6	150
BURUNG SANGKAR "INDOOR"					
Saiz burung cm panjang					
10	1,000	-	34	2	500
12	1,600	-	34	2	800
30	5,000	-	70	2	2,500
40	8,000	-	70	2	5,000
50	22,500	-	100	2	7,500
90	36,000	-	120	2	12,000

Jenis Haiwan	Keluasan lantai minima (cm ²)	Lebar minima (cm)	Ketinggian minima (cm)	Bilangan maksima haiwan	Penambahan keluasan lantai untuk setiap penambahan haiwan (cm ²)
BURUNG SANGKAR "Outdoor"					
Saiz burung cm panjang					
10	3,700	-	180	2	1,800
12	7,200	-	180	2	3,600
30	10,000	-	180	2	5,000
40	15,000	-	180	2	7,500
50	25,000	-	180	2	12,500
90	50,000	-	180	2	25,000
KURA-KURA	MINIMUM KEDALAMAN AIR				
		MINIMA			
Karapas 0 -10 cm	1,800	30	20	3	300
Karapas 10 – 20 cm	3,600	40	30	3	600
Karapas lebih 20 cm	6,000	40	30	3	1,500

Nota:

Tikus juvana (kurang dari 8 minggu) boleh ditempatkan sebanyak 4 ekor dalam satu sangkar.

Ular sawa juvana (kurang daripada 40 cm) boleh disimpan bersendirian dalam unit halaman dengan keluasan lantai minimum 480 cm². Unit-unit ini boleh disimpan dalam satu kepungan suhu.

- * Kumpulan ini termasuk Mengkarung Bata Hitam (Black Rock), Pokok, Putih (White's) dan Belang.
- ** Termasuk Mengkarung berbadan berat dan spesies gerak-pancut (shower-moving) seperti Lidah-biru (Blue-tongue), Sirap belakang (Shingleback dan Gidgee)
- *** Termasuk Mulet Darat, Yakka dan Mengkarung Raja.

Lampiran 2

SAIZ SANGKAR UNTUK MELAHIRKAN DAN MENYUSU (ANJING DAN KUCING)

Jadual 1: Jadual ini menunjukkan ukuran minimum sangkar bagi menyimpan satu ekor atau lebih kucing

Bilangan kucing	Keluasan min(cm ²)	Panjang min(cm)	Lebar min(cm ²)	Ketinggian min (cm)
1 kucing(kurungan pada malam hari atau maksimum 8 jam)	4,800	120	40	60
1 kucing	2,225	150	150	180
1 kucing <i>Stud</i> *	4,400	210	210	180
2 kucing	4,320	240	180	180
3 atau 4 kucing (maksimum 4 kucing)	12,250	350	350	180

* Setiap kucing *stud* mesti mempunyai sangkar individu dengan keluasan disediakan di dalam sangkar untuk 'sesi pengenalan semasa kucing betina melawat' serta rak yang tinggi dimana kucing *stud* boleh berundur selepas mengawan

Jadual 2: Jadual ini menunjukkan ukuran minimum bagi sangkar bagi menyimpan anjing

Ketinggian anjing diukur pada bahu anjing(cm)	Keluasan min(cm ²)	Lebar min(cm ²)	Ketinggian min (cm)	Peningkatan luas lantai untuk setiap anak anjing yang berusia antara 8 dan 16 minggu(cm ²)
70 dan keatas	1,500	240	180	150
40 hingga 70	1,000	180	180	100
20 hingga 40	600	140	140	50
5 hingga 20	400	100	120	50

Jadual 2 terpakai untuk penyimpanan satu ekor anjing dewasa atau satu ekor anjing betina dan anak anjing sehingga 8 minggu. Jika 2 ekor atau lebih anjing dewasa disimpan dalam satu kandang, ukuran keluasan minimum yang dinyatakan dalam Jadual 2 hendaklah ditambah sebanyak 150cm² bagi setiap ekor anjing yang disimpan di dalam kurungan.

Lampiran 3

LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN DAN PERSIAPAN MENGHADAPI KEBAKARAN.

1. Mengenalpasti laluan keluar kecemasan untuk mengeluarkan haiwan dari dalam premis semasa kebakaran.
2. Menyediakan alat pemadam api atau gulungan hos api yang cukup untuk mencapai semua kurungan haiwan.
3. Barang yang mudah terbakar disimpan di kawasan yang terpisah dari tempat kurungan haiwan
4. Memasang alat pengesan asap yang mencukupi bagi premis kurungan haiwan yang tertutup.
5. Merokok adalah tidak dibenarkan di premis kurungan haiwan/ kawasan pameran.
6. Tanda "dilarang merokok" diletakkan di tempat-tempat yang mudah dilihat di premis kurungan haiwan/kawasan pameran.
7. Pemadam api yang digunakan hendaklah diperiksa dan diluluskan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Lampiran 4

VAKسين ANJING YANG DISYORKAN

Penyakit	Jenis Vaksin	Cara Pemberian Vaksin	Usia pada Vaksinasi Pertama (minggu)	Usia pada Vaksinasi Kedua (minggu)	Usia pada Vaksinasi Ketiga (minggu)	Vaksinasi Ulangan
Distemper Canine hepatitis berjangkit CAV-1 or CAV-2	MLV	SC atau IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
	MLV	SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
	Inactivated	SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
Jangkitan Parvovirus	MLV	SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
	Inactivated	SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
Bordetella	Inactivated	SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
	Attenuated hidup	IH	>2	-	-	Dua Kali Setahun
Parainfluenza	MLV	SC, IM or IN	6-8	10-12	14-16	Tahunan
Leptospirosis	Inactivated	SC or IM	10-12	14-16	-	Tahunan
Rabies *	MLV	IM	12-16	-	-	Tahunan / Tiga Tahun Sekali

* Untuk mematuhi kehendak undang-undang negeri/arahan PBV

VAKسين KUCING YANG DISYORKAN

Penyakit	Jenis Vaksin	Cara Pemberian Vaksin	Usia pada Vaksinasi Pertama (minggu)	Usia pada Vaksinasi Kedua (minggu)	Usia pada Vaksinasi Ketiga (minggu)	Vaksinasi Ulangan
Panleukopenia (FP)	Inactivated	SC atau IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
	MLV	SC atau IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
	MLV IN	SC atau IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
Penyakit Herpesvirus	MLV	SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
	MLV IN	IN	6-8	10-12	14-16	Tahunan
Type 1 (FAV-1)	Inactivated	SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
Penyakit Calicivirus (FCV)	MLV	SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
	MLV IN	IN	6-8	10-12	14-16	Tahunan
	Inactivated	SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
Feline Leukemia (FeLV)	Inactivated	IM	8	2-3 kemudian	2-3 kemudian	Tahunan
Rabies *	MLV	IM	12-16	-	-	Tahunan / Tiga Tahun Sekali

* Untuk mematuhi kehendak undang-undang negeri/arahan pihak berkuasa veterinar

** Diluluskan untuk digunakan pada kucing (hanya satu vaksin sejak Januari 1983). Penggunaan vaksin MLV yang tidak diluluskan pada kucing boleh mengakibatkan penyakit Rabies vaksin-terinduksi.

SC = Bawah kulit, IM = intraotot, IN = intranasal

Lampiran 5

PERTOLONGAN CEMAS UNTUK HAIWAN

Garis panduan bagi melengkapkan sebuah kotak pertolongan cemas:

1. Gunting
2. Pita
3. Gel Pelincir
4. Gunting kuku
5. Selimut kecemasan
6. Sarung tangan pemeriksaan
7. *Non adhesive dressing*
8. Antiseptik
9. Kapas
10. Forcep
11. Normal saline
12. Termometer
13. Swab gauze
14. *Penlight*
15. Sanitizer
16. *Bandage*

Lampiran 6

SENARAI BAKA ANJING TERLARANG DAN TERHAD

BAKA ANJING TERLARANG

- (i) Akita (*American Akita or Great Japanese Dogs*)
- (ii) American Pitt Bull Terrier
- (iii) Dogo Argentino (*Argentinean Mastiff*)
- (iv) Tibetan Mastiff
- (v) Perro de Pastor Mallorquin
- (vi) Perro de Presa Canario (*Canary Dogs*)
- (vii) Japanese Tosa (*Tosa Inu*)
- (viii) American Bulldog
- (ix) Russo-European Laika
- (x) Fila Brasileiro (*Brazilian Mastiff*)
- (xi) Owtcharka (*Russian Owtchar*)
- (xii) Kai (*Korean Dogs*)

BAKA ANJING TERHAD

- (i) Dogue de bordeaux (*French Mastiff*)
- (ii) Rottweiler
- (iii) Staffordshire Bull Terrier
- (iv) Tervuren
- (v) Miniature Bull Terrier
- (vi) Groenendal
- (vii) Estrela Mountain Dog (*Cao da Serra da Estrella*)
- (viii) Neopolitan Mastiff
- (ix) Alaskan Malamute
- (x) Alastian, German Shepherd, Belgian Shepherd, East European Shepherd
- (xi) Malinois, Laeknois
- (xii) Rafeiro Do Alentejo (*Portuguese Watchdog*)
- (xiii) American Staffordshire Bull Terrier

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua individu dan pihak yang terlibat dalam menyediakan Kod Amalan Kebajikan Haiwan ini samada secara langsung atau tidak langsung, terutamanya kepada Lembaga Kebajikan Haiwan, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (KV), Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (P), Pengarah-Pengarah Bahagian DVS, Pengarah-Pengarah DVS Negeri, Agensi-agensi kerajaan, pihak industri, pihak NGO dan Ahli Jawatankuasa Kerja Penyediaan Kod Amalan Kebajikan Haiwan.

NOTA

NOTA



www.dvs.gov.my